

## Pesaka buat pindaan kelas untuk matlamat

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) akan membuat beberapa pindaan kelas bagi memastikan matlamat lapan pingat emas diperolehi pada Sukan SEA XV, bulan depan.

Pengurus pasukan, Haji Shafie Abdul Rahman, berkata beberapa pesilat sudah dikenal pasti akan bertukar kelas, berdasarkan keupayaan mereka sepanjang latihan.

"Saya mendapat kerjasama daripada jurulatih kebangsaan dalam menentukan kelas pesilat-pesilat berkenaan supaya sesuai dengan keupayaan mereka. Strategi ini akan memberi kelebihan kepada kami untuk mengutip beberapa pingat emas," katanya.

Bagaimanapun, menurut Haji Shafie, beliau belum dapat mengumumkan nama pesilat-pesilat yang dipilih kerana khuatir akan memberi kelebihan kepada pasukan lawan.

"Saya dapat Indonesia dan Singapura sentiasa mengikuti perkembangan pesilat negara kerana kebanyakan mereka pernah bertanding di peringkat antarabangsa," katanya.

B. Harian (M)

13 JUL 1989

Sementara itu, Haji Shafie mendamkan rasa gembira apabila pemenang pingat perak Sukan SEA '87, Zakri Ibrahim mendapat kelepasan untuk menjalani latihan pusat di Bangi yang bermula Sabtu ini.

Bulan lalu, Zakri yang menjalani latihan rekrut polis di Negeri Sembilan tidak dibenarkan mengikuti latihan peringkat keenam di Kuala Lumpur.

"Saya menghargai kerjasama pegawai terbabit di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan Kem Latihan Polis Air Hitam (PULAPAH) kerana memberi peluang kepada Zakri mewakili negara pada Sukan SEA ini," katanya.

Zakri adalah pesilat harapan Pesaka untuk mengutip emas di Sukan SEA nanti.

Harian Sukan difahamkan, Zakri lebih cergas di segi ketahanan fizikal dan mantap di samping teknik serta taktik setelah mendapat latihan silat polis sepanjang latihan rekrut sejak Februari lalu.

## Pesaka: Lima emas tiada masalah

Oleh MOHD RAHIME YUSOF

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) semakin yakin dengan keupayaan pesilat negara bagi menghadapi Sukan SEA XV, bulan depan berdasarkan kesungguhan mereka sepanjang latihan, termasuk di Kem Latihan Kebangsaan di Bangi sekarang.

Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan, berkata mereka kini berada di tahap kecergasan yang tinggi.

"Saya percaya matlamat merangkul sekurang-kurangnya lima pingat emas boleh kita capai," kata beliau.

20 JUL 1989

B. Harian (M)

Menurut beliau, Ketua Kontinjen Negara, Haji Kamalul Ariffin Abdul Rahim, memuji kesungguhan yang ada pada pesilat berkenaan.

Bagaimanapun kata Abdul Rahman, pihaknya terpaksa merahsiakan senarai utama pesilat yang akan mewakili negara atas sebab-sebab tertentu.

"Jika senarai ini didedahkan lebih awal, ia mungkin menimbulkan rasa kurang senang di kalangan pesilat yang tidak terpilih nanti," tambah beliau.

Bagaimanapun difahamkan, ada kemungkinan, kebanyakan pesilat kebangsaan akan terpilih.